

Komited lahirkan petani moden

S-H 28/9/03 M63

■ AZIE YAHAYA
■ ABDUL LATIFF ZAKARIA

PULAU INDAH - Kerajaan negeri akan menyediakan skim latihan pertanian kepada lepasan graduan yang berminat bagi menceburi bidang tersebut.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pemodelan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan, Yaakob Sapari berkata, cadangan tersebut dibuat bagi mempertingkatkan lagi pertanian moden di Selangor.

"Untuk itu kita bercadang mencari graduan lepasan universiti yang betul-betul berminat dalam pertanian bagi menyertai skim latihan tersebut.

"Malah, fokus kita sekarang untuk perladangan 'rock melon' kerana produk tersebut sekarang mendapat sambutan daripada pengguna," katanya.

Beliau berkata sedemikian selepas membuat lawatan ke ladang rock melon di Kampung Sungai Kembong, di sini, semalam.

Menurut Yaakob, graduan tersebut perlu menduduki seminar dan kursus sebelum dihantar bagi menjalani latihan amali di ladang latihan yang disediakan.

"Mereka perlu menjalani latihan amali sekurang-kurangnya enam bulan hingga setahun di



Yaakob menunjukkan buah rock melon yang ditanam menggunakan teknologi moden sewaktu lawatan ke ladang rock melon di Kampung Sungai Kembong, Pulau Indah. Turut kelihatan pemilik ladang tersebut, Rosli Bahari (kiri duduk).

plot ladang latihan yang disediakan.

"Di situ mereka akan diberi latihan serta diuji tahap kemahiran mereka dalam bidang tersebut. Ini penting bagi melahirkan calon yang betul-betul mempunyai komitmen yang tinggi serta berdaya saing," katanya.

Oleh itu, ganjaran peruntukan sebanyak RM45,000 akan diberikan kepada calon yang berjaya melepasi ujian tersebut.

"Insentif tersebut akan kita berikan kepada mereka untuk mereka memulakan projek tanaman tersebut.

"Dalam pada itu, bimbingan serta latihan secara berterusan akan diberikan bagi membantu mereka menjadi peladang yang berdaya tahan dengan setiap cabaran yang

mendatang," katanya.

Oleh itu, kepada sesiapa berminat untuk menceburi skim tersebut boleh mendapatkan keterangan lanjut di pejabat Exco berkenaan.

Dalam pada itu, Yaakob berkata, kerajaan Selangor kini menumpukan kepada pertanian moden (modern agriculture) bagi membantu ekonomi negeri ini.

"Melalui kerjasama antara FAMA, MARDI serta beberapa agensi pertanian yang lain, kita merancang untuk memperkembangkan pertanian rock melon itu.

"Oleh itu, kita bercadang untuk membuka ladang tersebut di Pulau Meranti, Puchong serta di Rawang kerana kita sedar permintaan untuk buah tersebut semakin tinggi," katanya.